

# PPSN tawar caj lebih rendah

BUKAKIAN

MS 37

4/7/19

**Kuala Lumpur:** Dalam usaha mengkomersialkan perkhidmatan, Institut Sukan Negara (ISN) melancarkan Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) bagi membuka peluang kepada orang awam mendapatkan rawatan berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ISN, Faedzal Md Ramli, usaha itu sejajar dengan saranan supaya agensi kerajaan mengkomersialkan perkhidmatan mereka yang berpotensi.

Bagaimanapun, pihaknya ber-

janji tidak akan mengabaikan tanggungjawab terhadap atlet negara dengan mereka tetap menjadi agenda utama ISN.

“Tujuan penubuhan PPSN adalah bagi memberi nilai tambah kepada ISN selepas selama ini kami hanya dikenali sebagai agensi yang memberi perkhidmatan kepada atlet negara.

“Kami percaya dengan tertubuhnya PPSN kami mampu menawarkan perkhidmatan yang berkualiti seperti diterima atlet kepada atlet amatur di luar dan pelajar sekolah sebagainya.

“PPSN juga tidak akan me-

minggirkan atlet negara dengan keutamaan tetap diberikan kepada mereka yang berada dalam Program Podium, elit dan pelapis,” katanya pada majlis perasmian PPSN di ISN, di sini, semalam.

PPSN memulakan operasi sejak 1 Julai lalu dengan menawarkan tujuh perkhidmatan utama antaranya adalah klinik pakar perubatan sukan, fisioterapi dan rehabilitasi, urutan sukan dan pemulihan serta rujukan dan kepakaran.

Mengulas lanjut, Faedzal berkata buat permulaan ISN me-

nsasarkan untuk menjana sebanyak 20 peratus daripada nilai keuntungana keseluruhan agensi berkenaan.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan pada caj perubatan yang berpatutan ditawarkan oleh PPSN kepada umum yang mana 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada caj perubatan swasta.

“Malah, apa yang istimewa mengenai PPSN adalah kepakaran selama 25 tahun kami dalam memberi perkhidmatan kepada atlet bertaraf dunia di Malaysia. Kakitangan kami sangat arif dalam kecederaan sukan,” katanya.